



BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Buletin Suku Tahunan BNM

Jilid 38 No. 4

S4

Suku Keempat 2023

Buletin Suku Tahunan BNM memberikan penilaian suku tahunan mengenai perkembangan ekonomi, monetari dan kewangan Malaysia. Penilaian ini termasuk penilaian mutakhir oleh Bank Negara Malaysia berhubung dengan hala tuju ekonomi pada masa hadapan. Buletin ini juga memberikan pemahaman tentang isu ekonomi dan kewangan semasa, termasuk sorotan berkaitan dengan inisiatif dasar yang dilaksanakan oleh Bank Negara Malaysia dalam memenuhi mandatnya.

Kandungan

3	Sorotan Penting
4	Persekitaran Ekonomi Antarabangsa
5	Perkembangan Ekonomi Malaysia
10	Perkembangan Monetari dan Kewangan
13	Pertimbangan Dasar oleh Bank Negara Malaysia
15	Tinjauan Makroekonomi
17	Tambahan

Sorotan Penting bagi S4 2023

KDNK berkembang sebanyak 3%

Apakah faktor yang menyokong pertumbuhan?



Pertumbuhan berterusan dalam perbelanjaan isi rumah

Penggunaan Swasta: 4.2% (S3 2023: 4.6%)



Pertumbuhan kemasukan pelancong yang lebih mampan

Eksport Perkhidmatan: 37.3% (S3 2023: 21.2%)



Pertumbuhan pelaburan yang lebih tinggi

Pembentukan Modal Tetap Kasar: 6.4% (S3 2023: 5.1%)

Pasaran pekerja terus bertambah baik



Kadar Pengangguran

3.3%

(S3 2023: 3.4%)



Upah Benar Sektor Swasta

1.5%

(S3 2023: 1.4%)

Nota: Upah sektor swasta merujuk kepada upah pekerja dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan.

Inflasi keseluruhan lebih rendah pada 1.6%

Apakah faktor utama yang mempengaruhi inflasi?



Inflasi makanan yang lebih rendah

Inflasi makanan dan minuman bukan alkohol: 2.8%
(S3 2023: 4.1%)

Sebahagiannya diimbangi oleh



Inflasi bahan api yang meningkat sedikit

Inflasi bahan api: -1% (S3 2023: -2.9%)

Ringgit menambah nilai berbanding dengan dolar AS



MYR/USD

2.1%

(S3 2023: -0.2%)



Indeks Dolar AS

-4.6%

(S3 2023: 3.2%)


Persekitaran Ekonomi Antarabangsa

Prestasi Ekonomi Global

Pertumbuhan global kekal sederhana pada S4 2023



KDNK Ekonomi Terpilih
Perubahan tahunan, %




Sumber: Pihak berkuasa negara

Pertumbuhan eksport menguncup lebih kecil, manakala beberapa negara mencatatkan pertumbuhan positif



Eksport Ekonomi Terpilih dalam Dolar AS
Perubahan tahunan, %



Sumber: Pihak berkuasa negara

Sorotan


- **Pertumbuhan global kekal sederhana**, disebabkan oleh kadar faedah yang tinggi. Pasaran pekerja yang berdaya tahan terus menyokong pertumbuhan.
- **AS dan China mencatatkan pertumbuhan lebih tinggi**, didorong oleh penggunaan swasta, pelaburan dan eksport bersih yang lebih kukuh.
- **Perdagangan menunjukkan tanda-tanda pemulihan**. Industri elektrik dan elektronik (*electrical and electronics, E&E*) serta jentera dan kelengkapan (*machinery and equipment, M&E*) terus menunjukkan tanda-tanda peningkatan.
- **Inflasi keseluruhan dan inflasi teras menunjukkan trend menurun**, sejajar dengan harga komoditi yang lebih rendah.
- **Harga minyak mentah Brent kekal tinggi** iaitu USD83 setong pada S4 2023 (S3 2023: USD86 setong) disebabkan oleh risiko geopolitik yang berlarutan.

Perkembangan Ekonomi Malaysia

Keluaran Dalam Negeri Kasar

KDNK berkembang sebanyak 3% pada S4 2023. Pertumbuhan keseluruhan bagi tahun 2023 kembali normal kepada 3.7% (2022: 8.7%)


KDNK suku tahunan



Kegiatan ekonomi yang lebih perlahan pada bulan Disember menjejaskan pertumbuhan S4 2023

KDNK Bulanan

Perubahan tahunan, %



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Apakah faktor yang menyokong pertumbuhan pada S4 2023?



Perbelanjaan isi rumah yang berterusan



Keadaan pasaran pekerja yang bertambah baik



Aktiviti pelancongan yang terus pulih



Aktiviti pelaburan yang berterusan

Apakah sektor yang mempengaruhi pertumbuhan pada bulan Disember 2023?



Perkhidmatan (Dis: 3%)
Nov: 5.5%; Okt: 4.1%



Perkilangan (Dis: -1.5%)
Nov: -0.2%; Okt: 0.9%

Perkembangan Ekonomi Malaysia

Prestasi Ekonomi Malaysia

Permintaan dalam negeri yang lebih tinggi

Perubahan tahunan, %

Penggunaan Swasta



4.2%

(S3 2023: 4.6%)

Perbelanjaan isi rumah yang berterusan bagi barangan keperluan dan barangan budi bicara

Pelaburan Swasta



4%

(S3 2023: 4.5%)

Sokongan daripada pengembangan kapasiti oleh perniagaan dan pelaksanaan projek yang berterusan

Penggunaan Awam



7.3%

(S3 2023: 5.8%)

Perbelanjaan bekalan dan perkhidmatan yang lebih tinggi oleh Kerajaan

Pelaburan Awam



11.3%

(S3 2023: 7.5%)

Perbelanjaan modal yang lebih tinggi oleh Kerajaan dan syarikat awam

Eksport Bersih



-35.6%

(S3 2023: -22.7%)

Peningkatan import mengatasi peningkatan eksport

Pengembangan dalam kebanyakan sektor ekonomi

Perubahan tahunan, %

Perkhidmatan



4.2%

(S3 2023: 5%)

Aktiviti pelancongan yang terus pulih lebih daripada mengimbangi penguncupan subsektor kewangan dan insurans

Perkilangan



-0.3%

(S3 2023: -0.1%)

Kelemahan berterusan aktiviti E&E berikutan kitaran menurun teknologi lebih daripada mengimbangi pertumbuhan berdaya tahan dalam subsektor berorientasikan dalam negeri

Pembinaan



3.6%

(S3 2023: 7.2%)

Peningkatan berterusan dalam subsektor kejuruteraan awam lebih daripada mengimbangi penyusutan subsektor bukan kediaman

Perlombongan



3.8%

(S3 2023: -0.1%)

Peningkatan dalam pengeluaran gas asli dan minyak

Pertanian



1.9%

(S3 2023: 0.9%)

Pengeluaran minyak sawit yang berkembang berikutan bekalan pekerja yang bertambah baik

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Perkembangan Ekonomi Malaysia


Keadaan Pasaran Pekerja

Pasaran pekerja terus bertambah baik

- Kadar pengangguran terus menurun kepada 3.3% pada suku keempat tahun 2023 (S3 2023: 3.4%), mencapai tahap sebelum pandemik.
- Guna tenaga meningkat kepada 16.35 juta orang pada suku keempat tahun 2023 (S3 2023: 16.25 juta orang) berikutan permintaan pekerja yang berterusan.
- Bekalan pekerja kekal kukuh apabila kadar penyertaan tenaga kerja terus berada pada tahap yang tinggi sebanyak 70.1% pada suku keempat tahun 2023 (S3 2023: 70.1%).

Kadar pengangguran yang lebih rendah


*Kadar pengangguran,
% daripada tenaga kerja*



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Upah benar lebih tinggi berikutan penurunan inflasi

*Upah sektor swasta,
Perubahan tahunan, %*



Nota: Upah sektor swasta merujuk kepada upah pekerja dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

*Upah nominal mengikut sektor,
Perubahan tahunan, %*



Perkembangan Ekonomi Malaysia

Trend penurunan inflasi berterusan berikutan persekitaran kos yang mereda

Inflasi keseluruhan dan inflasi teras terus menurun pada suku keempat


Perubahan tahunan, %

- Inflasi keseluruhan terus berkurang dengan inflasi teras menurun kepada tahap purata jangka panjangnya.

Purata jangka panjang (2011-2019)

Keseluruhan: 2.2%

Teras: 2%



Item Bukan Teras Terpilih

Makanan segar



0.5%
(S3 2023: 1.9%)

Item Teras Terpilih

Makanan di luar rumah



4.3%
(S3 2023: 6%)

Makanan di rumah



1.6%
(S3 2023: 2.8%)

Pembaikan dan penyelenggaraan pengangkutan persendirian



4.7%
(S3 2023: 6.7%)

Nota: Pengiraan inflasi teras tidak termasuk barangan yang harganya tidak menentu dan barangan yang harganya ditadbir.


Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

Inflasi terus semakin kurang meluas

Bahagian item IHP yang mencatatkan kenaikan harga bulanan, %

- Bilangan item yang merekodkan kenaikan harga berkurang pada suku keempat.

Purata jangka panjang 2011-2019: 45.6%



Okt: 42.4%
Nov: 38.4%
Dis: 28%

36.3% pada S4 2023
(S3 2023: 40.8%; purata S4 2011-2019: 41.7%)

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

Perkembangan Ekonomi Malaysia

Perkembangan Sektor Luaran

Eksport menurun pada kadar yang lebih kecil, manakala import mencatat pertumbuhan positif



Eksport kasar

-6.9% (S3 2023: -15.2%)

Eksport bukan E&E dan komoditi bertambah baik

Import kasar

1.3% (S3 2023: -16.3%)

Import modal dan barangan pengantara yang lebih tinggi

Lebih akaun semasa yang berterusan serta aliran keluar dalam akaun kewangan



Akaun Semasa

RM0.3 bilion; 0.1% daripada KDNK

(S3 2023: RM9.1 bilion; 2% daripada KDNK)

Faktor yang mendorong:

- Peningkatan ketara defisit pendapatan primer disebabkan oleh pendapatan pelaburan yang lebih tinggi kepada pelabur asing di Malaysia.

Yang mengimbangi:

- Lebih barangan yang berterusan, disokong oleh peningkatan eksport apabila permintaan daripada rakan dagang utama bertambah baik.
- Defisit perkhidmatan yang lebih kecil mencerminkan pendapatan daripada perjalanan yang lebih tinggi berikutan pemulihan dalam kemasukan pelancong yang berterusan.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia



Akaun Kewangan

Aliran keluar bersih RM19.9 bilion

(S3 2023: Aliran masuk bersih RM14.9 bilion)

Faktor yang mendorong:

- Aliran keluar bersih dalam pelaburan lain, didorong terutamanya oleh bayaran balik yang lebih tinggi bagi peminjaman antara bank oleh bank-bank tempatan.
- Aliran keluar bersih dalam pelaburan portfolio disebabkan terutamanya oleh pemerolehan sekuriti hutang di luar negara oleh pelabur pemastautin.

Yang mengimbangi:

- Aliran masuk pelaburan langsung asing (FDI) yang lebih tinggi khususnya dalam sektor maklumat dan komunikasi (ICT) dan sektor perkilangan.

Hutang luar negeri menurun sedikit **RM1.24 trilion atau 68.2% daripada KDNK** (S3 2023: RM1.25 trilion atau 69% daripada KDNK)

- Peminjaman antara bank yang lebih rendah disebabkan oleh bayaran balik pinjaman oleh bank tempatan.
- Bon dan nota yang telah mencapai tempoh matang.

Hutang luar negeri kekal terurus

% daripada jumlah hutang luar negeri

Dalam denominasi ringgit: 33.1%

Tidak terjejas oleh turun naik kadar pertukaran ringgit

Dalam denominasi FCY: 66.9%

yang 65% daripadanya tertakluk pada keperluan kehematan dan pengawalseliaan BNM dan 16.6% merupakan pinjaman antara syarikat berkaitan

MATA WANG

TEMPOH MATANG

Jangka sederhana dan panjang: 58.3%

Risiko pelanjutan terhad

Kedudukan Pelaburan Antarabangsa **RM119.4 bilion (S3 2023: RM94.9 bilion)**

Rizab Antarabangsa* **USD114.8 bilion**

- **5.4 bulan** import barangan dan perkhidmatan.
- **1 kali** hutang luar negeri jangka pendek.

* Pada 31 Januari 2024.

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia, Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia


Perkembangan Monetari dan Kewangan

Pasaran Kewangan dan Kadar Pertukaran

Ringgit menambah nilai berbanding dolar AS

Penambahan nilai ringgit sejajar dengan rakan dagangan utama berikutan kelemahan dolar AS yang meluas

Prestasi Indeks Dolar AS dan Mata Wang Serantau berbanding Dolar AS, % Suku Tahunan



Nilai ringgit menurun berbanding dengan rakan-rakan dagangan utama

NEER -0.9%
(S3 2023: +1.4%)

Nota: NEER merujuk kepada kadar pertukaran efektif nominal.
Sumber: Bank Negara Malaysia dan Bloomberg

Pasaran kewangan domestik didorong terutamanya oleh perubahan jangkaan berkenaan hala tuju dasar monetari global



Kadar hasil bon menurun

selaras dengan negara serantau disebabkan oleh jangkaan potongan kadar oleh Federal Reserve AS

Kadar hasil MGS 10 tahun -23 mata asas

(S3 2023: +12 mata asas)



Pasaran ekuiti meningkat

disokong oleh jangkaan kadar faedah global yang lebih rendah dan maklum balas positif terhadap pelbagai pelan induk nasional yang diumumkan pada suku ketiga 2023

KLCI +2.1% suku tahun ke suku tahun
(S3 2023: +3.4%)

Faktor-faktor utama



Kesepakatan bahawa kadar dasar AS telah mencapai tahap tertinggi

dan Federal Reserve AS akan mula melonggarkan dasar monetari bersama-sama dengan bank-bank pusat utama yang lain pada tahun 2024



Impak positif daripada pelaksanaan pembaharuan struktur di dalam negeri dijangka memberikan sokongan pada pasaran kewangan domestik


Sumber: Bank Negara Malaysia, ETP dan Bursa Malaysia

Perkembangan Monetari dan Kewangan

Kadar Faedah dan Mudah Tunai

Kadar antara bank meningkat manakala kadar deposit tetap menurun

Kadar faedah (pada akhir tempoh), %




- **KLIBOR 3 Bulan meningkat** berikutan permintaan pendanaan awalan oleh bank-bank susulan persaingan deposit bermusim pada akhir tahun. Sejak itu, keadaan pasaran antara bank telah mereda dengan KLIBOR 3 Bulan menunjukkan trend menurun mulai bulan Januari 2024.
- **Kadar deposit tetap (FD) menurun** antara 1 hingga 3 mata asas bagi tempoh 1 hingga 12 bulan, mencerminkan strategi pendanaan bank-bank untuk menguruskan kos dana.
- **Kadar pinjaman purata (ALR) bagi pinjaman terkumpul meningkat sedikit** pada suku tersebut.

Sumber: Bank Negara Malaysia dan Bloomberg

Mudah tunai sistem perbankan mencukupi untuk menyokong pengantaraan kewangan

Mudah tunai ringgit terkumpul di BNM (pada akhir tempoh), RM bilion



- **Jumlah mudah tunai sistem perbankan kekal mencukupi** dan meningkat sedikit berikutan suntikan mudah tunai yang lebih tinggi oleh BNM.
- Pada peringkat institusi, **hampir semua bank mengekalkan lebih penempatan semalaman** dengan BNM setakat akhir bulan Disember 2023.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Perkembangan Monetari dan Kewangan


Keadaan Kredit

Pertumbuhan kredit meningkat berikutan pertumbuhan pinjaman perniagaan yang bertambah baik

Kredit kepada Sektor Swasta Bukan Kewangan¹

Sumbangan kepada pertumbuhan
(mata peratusan)

Perubahan tahunan (%)



¹ Terdiri daripada bon korporat terkumpul serta pinjaman terkumpul kepada perniagaan dan isi rumah.
Sumber: Bank Negara Malaysia

Perkembangan utama

Kredit kepada Sektor Swasta Bukan Kewangan 4.7%² (S3 2023: 4.3%)

- Pinjaman terkumpul³ berkembang sebanyak 4.9% (S3 2023: 4.1%), didorong oleh pertumbuhan pinjaman perniagaan yang lebih tinggi.
- Pertumbuhan bon korporat terkumpul menjadi sederhana pada 4.2% (S3 2023: 5%).

Pinjaman Perniagaan 3.6% (S3 2023: 1.9%)

- Pertumbuhan pinjaman perniagaan yang lebih tinggi didorong terutamanya oleh pertumbuhan pinjaman modal kerja yang lebih tinggi.
- Yang ketara, pertumbuhan pinjaman terkumpul bagi PKS terus menggalakkan (8.2%; S3 2023: 7%).

Pinjaman Isi Rumah 5.6% (S3 2023: 5.4%)

- Pertumbuhan pinjaman isi rumah terkumpul terus mampan merentas tujuan pinjaman utama.
- Hal ini mencerminkan permintaan pinjaman yang berterusan, khususnya pinjaman bagi pembelian rumah, kereta dan kegunaan peribadi.

² Semua angka adalah dalam bentuk perubahan tahunan.

³ Merujuk pinjaman daripada sistem perbankan dan institusi kewangan pembangunan (IKP).

Sumber: Bank Negara Malaysia

Pertimbangan Dasar oleh Bank Negara Malaysia

Sorotan mesyuarat MPC bulan Januari

- Jawatankuasa Dasar Monetari (Monetary Policy Committee, MPC) mengekalkan Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) pada 3.00% pada mesyuarat MPC bulan November 2023 dan Januari 2024.
- MPC kekal berwaspada terhadap perkembangan semasa bagi memaklumkan penilaian prospek inflasi dan pertumbuhan dalam negeri.



Dasar monetari kekal menyokong pertumbuhan ekonomi

Pada mesyuarat MPC bulan November 2023 dan Januari 2024, MPC telah mengekalkan OPR pada 3.00%.

Pada mesyuarat bulan Januari baru-baru ini, MPC menilai bahawa ekonomi global terus berkembang, didorong oleh permintaan dalam negeri berikutan keadaan pasaran pekerja yang teguh. Terdapat beberapa tanda bahawa sektor elektrik dan elektronik (*electrical and electronics*, E&E) semakin pulih, namun perdagangan global terus lemah, sebahagiannya disebabkan oleh perbelanjaan yang terus beralih daripada barangan kepada perkhidmatan serta sekatan perdagangan yang berterusan. Walaupun ekonomi China terus menunjukkan tanda-tanda keadaan bertambah baik, pemulihan ini kekal sederhana berikutan kelemahan dalam pasaran harta tanah. Inflasi keseluruhan dan inflasi teras global menurun sedikit pada

bulan-bulan kebelakangan ini, namun terus melebihi purata. Pada peringkat global, meskipun pendirian dasar monetari dijangka kekal ketat pada tempoh terdekat, kitaran pengetatan bagi kebanyakan bank pusat telah mencapai tahap tertinggi. Prospek pertumbuhan terus bergantung pada risiko pertumbuhan menjadi perlahan, terutamanya disebabkan oleh ketegangan geopolitik yang semakin meruncing, inflasi sebenar yang lebih tinggi daripada jangkaan dan volatiliti pasaran kewangan global yang ketara.

Pada mesyuarat MPC bulan Januari tersebut, anggaran awal KDNK bagi suku keempat telah mengesahkan bahawa pertumbuhan keseluruhan ekonomi Malaysia bagi tahun 2023 berkembang mengikut jangkaan. Pada masa hadapan, MPC menilai bahawa pertumbuhan dalam negeri dijangka meningkat pada tahun 2024, disokong oleh pemulihan dalam eksport dan perbelanjaan dalam negeri yang berdaya tahan. Pertumbuhan guna tenaga dan upah yang berterusan kekal menyokong perbelanjaan isi rumah. Ketibaan dan perbelanjaan pelancong dijangka terus meningkat. Aktiviti pelaburan akan disokong oleh projek berbilang tahun dalam sektor swasta dan awam yang terus dilaksanakan serta pelaksanaan inisiatif pemangkin di bawah beberapa pelan induk nasional. Prospek pertumbuhan terus bergantung pada risiko pertumbuhan menjadi perlahan yang berpunca daripada permintaan luaran yang lebih lemah daripada jangkaan serta penurunan pengeluaran komoditi yang lebih besar. Sementara itu, kemungkinan pertumbuhan menjadi lebih tinggi berpunca terutamanya daripada limpahan peningkatan kitaran teknologi yang lebih besar, aktiviti pelancongan yang lebih kukuh daripada jangkaan serta pelaksanaan yang lebih pantas bagi projek sedia ada dan projek baharu.

Pertimbangan Dasar oleh Bank Negara Malaysia



Seperti yang dijangka, inflasi keseluruhan dan inflasi teras terus menurun pada suku keempat, disebabkan terutamanya oleh tekanan kos yang lebih rendah berikutan keadaan permintaan yang semakin stabil. Secara keseluruhan, inflasi keseluruhan dan inflasi teras pada tahun 2023 berada pada kadar yang dijangkakan, masing-masing berpurata pada 2.5% dan 3% pada tahun itu. Pada tahun 2024, inflasi dijangka kekal sederhana, mencerminkan secara amnya keadaan kos dan permintaan yang stabil. Risiko terhadap prospek inflasi terus sangat dipengaruhi oleh perubahan dasar dalam negeri mengenai subsidi dan kawalan harga serta perkembangan harga komoditi dan pasaran kewangan global. Yang penting, hasrat Kerajaan untuk mengkaji semula kawalan harga dan subsidi pada tahun 2024 akan mempengaruhi prospek keadaan inflasi dan permintaan.

Pergerakan ringgit baru-baru ini, setakat mesyuarat MPC bulan Januari, didorong terutamanya oleh faktor-faktor luaran serta tidak mencerminkan prestasi semasa dan prospek ekonomi dalam negeri. Memandangkan risiko volatiliti yang ketara terus wujud dalam pasaran kewangan global dan pertukaran asing, Bank Negara Malaysia akan terus memastikan mudah tunai yang mencukupi untuk menyokong pasaran pertukaran asing domestik supaya dapat berfungsi dengan teratur. Institusi kewangan terus beroperasi dengan penampakan modal dan mudah tunai yang kukuh, dengan keadaan kewangan domestik terus kondusif untuk pertumbuhan kredit yang berterusan.

Pada tahap OPR semasa, MPC berpandangan bahawa pendirian dasar monetari terus menyokong ekonomi dan konsisten dengan penilaian semasa berhubung dengan prospek pertumbuhan dan inflasi. MPC tetap berwaspada terhadap perkembangan semasa bagi memaklumkan penilaian prospek inflasi dan pertumbuhan dalam negeri. MPC akan memastikan pendirian dasar monetari kekal kondusif untuk pertumbuhan ekonomi yang mampan dalam keadaan harga yang stabil.

Tinjauan Makroekonomi



Pertumbuhan global mampan pada tahun 2024

Meskipun dasar monetari ketat, peningkatan semula perdagangan dan pasaran pekerja yang berdaya tahan akan menyokong pertumbuhan global

Ekonomi global dijangka berkembang pada kadar yang mampan pada tahun 2024. Dasar monetari yang ketat dan penamatan sokongan fiskal akan menjejaskan pertumbuhan. Namun begitu, keadaan ini akan diimbangi oleh peningkatan semula perdagangan antarabangsa, pasaran pekerja yang berdaya tahan dan pengurangan inflasi. Peningkatan semula perdagangan global didorong oleh kitaran menaik teknologi global serta aktiviti pelancongan yang pulih sepenuhnya. Inflasi global akan terus berkurang berikutan kejatuhan harga komoditi dan pasaran pekerja yang semakin seimbang akan mengurangkan inflasi teras. Selepas mendapat manfaat daripada pemulihan susulan pembukaan semula pada tahun 2023, pertumbuhan China dijangka lembap pada tahun 2024 berikutan pertumbuhan yang terus lemah akibat kemerosotan pasaran harta tanah.

Risiko pertumbuhan menjadi perlahan berpunca terutamanya daripada ketegangan geopolitik yang semakin meruncing, inflasi sebenar yang lebih tinggi daripada jangkaan dan volatiliti yang ketara dalam pasaran kewangan global. Walau bagaimanapun, kemungkinan pertumbuhan global menjadi lebih tinggi boleh berpunca daripada permintaan dalam negeri yang lebih kukuh daripada jangkaan khususnya dalam ekonomi maju serta sokongan dasar fiskal yang lebih teguh di China.



Ekonomi Malaysia akan terus berkembang

Permintaan dalam negeri akan menjadi teras pertumbuhan pada tahun 2024

Bagi tahun 2024, trend pertumbuhan ekonomi Malaysia dijangka lebih tinggi, disokong oleh pemulihan dalam eksport dan perbelanjaan dalam negeri yang berdaya tahan. Perbelanjaan isi rumah akan disokong oleh pertumbuhan guna tenaga dan upah yang berterusan. Ketibaan dan perbelanjaan pelancong dijangka bertambah baik. Tambahan lagi, aktiviti pelaburan akan disokong oleh projek berbilang tahun yang terus dilaksanakan oleh sektor swasta dan awam serta pelaksanaan inisiatif pemangkin di bawah beberapa pelan induk nasional. Langkah-langkah Belanjawan 2024 juga akan memberikan sokongan tambahan kepada kegiatan ekonomi.

Prospek pertumbuhan terus bergantung pada risiko pertumbuhan menjadi perlahan disebabkan oleh permintaan luaran yang lebih lemah daripada jangkaan dan penurunan pengeluaran komoditi. Sementara itu, kemungkinan pertumbuhan dalam negeri menjadi lebih tinggi berpunca daripada limpahan peningkatan kitaran teknologi yang lebih besar, aktiviti pelancongan yang lebih kukuh daripada jangkaan dan pelaksanaan yang lebih pantas bagi projek sedia ada dan projek baharu.

Tinjauan Makroekonomi



Inflasi keseluruhan dan inflasi teras dijangka kekal sederhana pada tahun 2024

Inflasi keseluruhan dijangka berpurata antara 2.1% – 3.6%¹ bagi tahun 2024 secara keseluruhan

Seperti yang dijangka, inflasi keseluruhan dan inflasi teras telah menurun, disebabkan terutamanya oleh tekanan kos yang lebih rendah berikutan keadaan permintaan yang semakin stabil. Pada tahun 2024, inflasi dijangka kekal sederhana, secara amnya mencerminkan keadaan kos dan permintaan yang stabil. Walau bagaimanapun, prospek inflasi terus bergantung pada perubahan dasar dalam negeri berhubung dengan subsidi dan kawalan harga serta perkembangan harga komoditi dan pasaran kewangan global.

Bahagian ini sengaja dibiarkan kosong

¹ Sumber: Tinjauan Ekonomi 2024, Kementerian Kewangan Malaysia.

Jadual 1: KDNK Mengikut Komponen Perbelanjaan (pada harga malar tahun 2015)

	Bahagian 2023 (%)	2022		2023				
		S4	Tahun	S1	S2	S3	S4	Tahun
		Pertumbuhan tahunan (%)						
Permintaan Dalam Negeri Agregat (tidak termasuk stok)	94.1	6.8	9.2	4.6	4.5	4.8	5.2	4.8
Sektor swasta	76.2	7.8	10.3	5.6	4.5	4.5	4.2	4.7
Penggunaan	60.8	7.3	11.2	5.9	4.3	4.6	4.2	4.7
Pelaburan	15.5	10.3	7.2	4.7	5.1	4.5	4.0	4.6
Sektor awam	17.8	3.9	4.7	-0.3	4.6	6.2	8.4	5.1
Penggunaan	13.3	3.0	4.5	-2.2	3.8	5.8	7.3	3.9
Pelaburan	4.6	6.0	5.3	5.7	7.9	7.5	11.3	8.6
Eksport Bersih	4.7	23.0	-1.0	54.4	-3.7	-22.7	-35.6	-11.3
Eksport Barangan dan Perkhidmatan	66.3	8.6	14.5	-3.3	-9.4	-12.0	-6.3	-7.9
Import Barangan dan Perkhidmatan	61.6	7.2	15.9	-6.5	-9.7	-11.1	-2.9	-7.6
KDNK Benar	100.0	7.1	8.7	5.6	2.9	3.3	3.0	3.7
KDNK (pertumbuhan suku tahunan terlaras secara bermusim)	-	-1.7	-	0.9	1.5	2.6	-2.1	-

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan dan pengecualian stok.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual 2: KDNK Mengikut Kegiatan Ekonomi (pada harga malar tahun 2015)

	Bahagian 2023 (%)	2022		2023				
		S4	Tahun	S1	S2	S3	S4	Tahun
		Pertumbuhan tahunan (%)						
Perkhidmatan	59.2	9.1	10.9	7.3	4.7	5.0	4.2	5.3
Perkilangan	23.4	3.9	8.1	3.2	0.1	-0.1	-0.3	0.7
Pertanian	6.4	1.1	0.1	1.0	-1.0	0.9	1.9	0.7
Perlombongan	6.2	6.3	2.6	2.4	-2.3	-0.1	3.8	1.0
Pembinaan	3.6	10.1	5.0	7.4	6.2	7.2	3.6	6.1
KDNK Benar	100.0	7.1	8.7	5.6	2.9	3.3	3.0	3.7

Nota: Angka-angka tidak terjumlah disebabkan oleh penggenapan dan pengecualian komponen duti import.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual 3: Imbangan Pembayaran¹

	2022		2023				
	S4	Tahun	S1	S2	S3	S4	Tahun
	RM bilion						
Akaun semasa	27.5	55.1	4.3	9.1	9.1	0.3	22.8
(% daripada KDNK)	5.9	3.2	1.0	2.1	2.0	0.1	1.2
Barangan	57.7	186.0	39.9	29.5	32.7	30.8	132.9
Perkhidmatan	-12.1	-56.4	-12.8	-11.3	-10.3	-7.4	-41.9
Pendapatan primer	-11.6	-59.4	-16.9	-6.3	-11.0	-20.9	-55.1
Pendapatan sekunder	-6.5	-15.1	-5.9	-2.8	-2.2	-2.3	-13.2
Akaun kewangan	-1.1	12.4	-2.4	-11.6	14.9	-19.9	-18.9
Pelaburan langsung	-9.3	15.9	10.9	-4.9	-6.1	4.7	4.6
Aset	-24.1	-48.9	-2.5	-9.8	-13.3	-7.4	-33.0
Liabiliti	14.8	64.9	13.4	4.9	7.2	12.1	37.6
Pelaburan Portfolio	-26.7	-50.6	-33.3	8.1	-14.1	-6.4	-45.7
Aset	-15.0	-30.5	-16.3	-10.1	-15.4	-10.3	-52.2
Liabiliti	-11.7	-20.1	-17.0	18.3	1.3	3.9	6.5
Derivatif kewangan	-1.7	-2.2	-0.9	0.3	0.5	-3.8	-3.9
Pelaburan lain	36.6	49.2	20.9	-15.1	34.6	-14.4	26.0
Kesilapan dan ketinggalan bersih²	-3.8	-13.6	-7.6	-9.9	-16.3	9.6	-24.2
Imbangan Keseluruhan	22.5	53.4	-5.7	-12.4	7.7	-10.2	-20.6

Aset: (-) menunjukkan aliran keluar disebabkan oleh pemerolehan aset di luar negeri oleh pemastautin.

Liabiliti: (+) menunjukkan aliran masuk disebabkan oleh liabiliti asing.

¹ Mengikut Edisi Keenam Manual Imbangan Pembayaran dan Kedudukan Pelaburan Antarabangsa (BPM6) oleh Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF).

² Mulai S1 2018, kesilapan dan ketinggalan bersih tidak termasuk perubahan hasil daripada rizab penilaian semula. Amalan ini terpakai untuk siri belakang hingga S1 2010.

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Jadual 4: Hutang Luar Negeri Terkumpul

	2022		2023
	Akhir Dis	Akhir Sep	Akhir Dis
	RM bilion		
Jumlah Hutang Luar Negeri	1,144.7	1,252.0	1,242.5
Bersamaan USD bilion	260.7	266.7	270.7
Mengikut instrumen			
Bon dan nota	176.0	175.6	169.8
Peminjaman antara bank	218.6	238.4	220.7
Pinjaman antara syarikat berkaitan	155.2	185.2	189.2
Pinjaman	76.0	82.7	86.9
Pemegangan sekuriti hutang domestik oleh bukan pemastautin	246.6	269.7	269.5
Deposit bukan pemastautin	111.6	139.1	137.5
Peruntukan Hak Pengeluaran Khas (SDR) IMF	28.2	29.7	29.7
Lain-lain	132.6	131.4	139.1
Profil tempoh matang			
Jangka sederhana dan panjang	663.0	722.5	724.1
Jangka pendek	481.6	529.5	518.4
Denominasi mata wang			
Ringgit	378.7	410.0	411.5
Asing	766.0	842.0	831.1
Jumlah hutang / KDNK (%)	63.9	69.0	68.2
Hutang jangka pendek / Jumlah hutang (%)	42.1	42.3	41.7
Rizab / Hutang luar negeri jangka pendek (kali)	1.0	1.0	1.0

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Jadual 5: Kredit kepada Sektor Swasta Bukan Kewangan

	2022	2023		2022	2023	
	S4	S3	S4	S4	S3	S4
	Akhir tempoh (RM bilion)			Perubahan tahunan (%)		
Jumlah Kredit kepada Sektor Swasta Bukan Kewangan¹	2610.7	2689.7	2734.4	4.7	4.3	4.7
Bon korporat terkumpul ²	550.6	570.2	573.4	4.6	5.0	4.2
Pinjaman terkumpul ^{3,4}	2060.1	2119.5	2160.9	4.7	4.1	4.9
Perniagaan	748.2	758.4	775.1	3.4	1.9	3.6
PKS	355.4	373.9	384.6	5.7	7.0	8.2
Bukan PKS	388.5	380.4	386.4	1.4	-2.7	-0.5
Isi rumah	1311.9	1361.2	1385.8	5.5	5.4	5.6
Kredit kepada Perniagaan ⁵	1298.7	1328.6	1348.5	3.9	3.2	3.8

¹ Mulai penerbitan Buletin Suku Tahunan S4 2022, kredit kepada sektor swasta bukan kewangan telah diperkenalkan untuk meningkatkan kualiti data pembiayaan yang disalurkan untuk menjana kegiatan ekonomi dalam negeri. Data baharu ini menggantikan data pembiayaan bersih kepada sektor swasta yang digunakan sebelum ini.

² Termasuk kertas jangka pendek konvensional dan Islam, serta bon dan sukuk jangka panjang; tidak termasuk terbitan oleh Cagamas, kerajaan, institusi kewangan dan institusi kewangan bukan bank.

³ Pinjaman daripada sistem perbankan dan institusi kewangan pembangunan (IKP). Merujuk jumlah pinjaman perniagaan dan isi rumah terkumpul dan tidak termasuk pinjaman kepada kerajaan, institusi kewangan, institusi kewangan bukan bank dan entiti-entiti lain.

⁴ Tidak termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas tanpa rekursu.

⁵ Terdiri daripada pinjaman terkumpul kepada perniagaan dan bon korporat terkumpul.

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Tambahan

Jadual 6: Penunjuk Pinjaman¹

	2022	2023		2022	2023	
	S4	S3	S4	S4	S3	S4
	Dalam tempoh (RM bilion)			Perubahan tahunan (%)		
Jumlah Sektor Swasta Bukan Kewangan²						
Permohonan pinjaman	323.0	419.6	399.4	-4.7	4.4	23.7
Kelulusan pinjaman	165.5	205.3	200.3	7.9	-2.0	21.1
Pengeluaran pinjaman	560.3	561.4	578.6	11.7	8.0	3.3
Bayaran balik pinjaman	557.7	552.2	557.7	16.7	4.1	0.0
Antaranya:						
Perusahaan³						
Permohonan pinjaman	125.0	182.1	159.4	11.1	4.8	27.6
Kelulusan pinjaman	83.6	105.2	106.1	30.2	-5.5	26.8
Pengeluaran pinjaman	438.1	427.5	440.2	12.1	6.3	0.5
Bayaran balik pinjaman	441.8	427.2	428.5	15.5	2.4	-3.0
PKS						
Permohonan pinjaman	66.9	106.8	81.5	1.5	26.2	21.8
Kelulusan pinjaman	35.3	51.4	49.3	16.6	7.3	39.6
Pengeluaran pinjaman	125.9	133.2	141.1	11.3	5.8	12.1
Bayaran balik pinjaman	123.9	130.2	133.2	14.2	4.4	7.5
Bukan PKS						
Permohonan pinjaman	57.9	75.2	77.9	24.6	-14.6	34.5
Kelulusan pinjaman	48.1	52.8	56.7	42.2	-16.4	17.8
Pengeluaran pinjaman	310.0	292.8	297.5	12.1	6.6	-4.0
Bayaran balik pinjaman	315.6	295.7	293.5	15.7	1.6	-7.0
Isi rumah						
Permohonan pinjaman	198.0	237.5	240.0	-12.6	4.1	21.2
Kelulusan pinjaman	81.9	100.1	94.3	-8.1	2.0	15.2
Pengeluaran pinjaman	122.1	133.8	138.4	10.3	13.7	13.3
Bayaran balik pinjaman	115.9	125.0	129.1	21.5	10.7	11.4

¹ Pinjaman bagi semua segmen merujuk data sistem perbankan dan institusi kewangan pembangunan (IKP).

² Merujuk jumlah pinjaman perniagaan dan isi rumah terkumpul, dan tidak termasuk pinjaman kepada kerajaan, institusi kewangan, institusi kewangan bukan bank dan entiti-entiti lain.

³ Angka-angka bagi PKS dan bukan PKS tidak semestinya terjumlah menjadi jumlah angka bagi perniagaan berikutan perniagaan yang tidak dikelaskan mengikut saiz syarikat turut dimasukkan dalam pengiraan.

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Tambahan

Jadual 7: Penunjuk Keberuntungan Sistem Perbankan

	2022	2023		2022	2023	
	S4	S2	S4 ^a	S4	S2	S4 ^a
	%			Perubahan tahunan (mata peratusan)		
Pulangan atas ekuiti ¹	12.3	11.6	11.2	2.8	-0.2	-1.1
Pulangan atas aset ¹	1.4	1.3	1.2	0.3	-0.03	-0.1
	RM juta			Perubahan tahunan (%)		
Pendapatan faedah bersih	16,206	14,676	14,834	10.4	-5.2	-8.5
Campur: Pendapatan berasaskan fi	2,877	3,015	3,408	-7.8	6.4	18.5
Tolak: Kos operasi ²	10,914	10,809	11,141	16.2	17.1	2.1
Keuntungan operasi kasar	8,169	6,882	7,100	-2.8	-24.2	-13.1
Tolak: Peruntukan jejas nilai ³ dan lain-lain	389	836	1,348	-81.1	-8.1	246.2
Keuntungan operasi kasar selepas peruntukan	7,779	6,045	5,752	22.6	-26.0	-26.1
Campur: Pendapatan lain ¹	3,752	5,155	4,486	56.8	66.9	19.5
Untung sebelum cukai ¹	11,532	11,200	10,238	32.0	-0.5	-11.2

^a Awalan

¹ Keuntungan sistem perbankan diagregat pada peringkat entiti. Mulai tahun 2019, hasil teragregat kemudiannya diselaraskan bagi pendapatan dividen yang diterima daripada subsidiari perbankan domestik (sebelum ini ditambah pada peringkat induk dan subsidiari). Pelarasan ini dicatatkan dalam bahagian 'Pendapatan lain'. Perbezaan angka-angka sebelum cukai secara perbandingan yang dilaporkan dalam Buletin Suku Tahunan sebelum ini dianggarkan dalam julat antara 5.5% dan 10.7%.

² Merujuk kos kakitangan dan overhead.

³ Merujuk Jangkaan Kerugian Kredit untuk 12 Bulan, Jangkaan Kerugian Kredit Seumur Hidup yang Tidak Terjejas Kredit dan Jangkaan Kerugian Kredit Seumur Hidup yang Terjejas Kredit berdasarkan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia 9 (MFRS 9).

Sumber: Bank Negara Malaysia

Jadual 8: Penunjuk Keberuntungan Sektor Insurans dan Takaful

	2022	2023		2022	2023	
	S4	S2	S4 ^a	S4	S2	S4 ^a
	RM juta			Perubahan tahunan (%) ²		
Insurans Hayat & Takaful Keluarga						
Lebih pendapatan berbanding perbelanjaan ¹	5,497	1,034	2,224	1,274.6	123.5	-59.5
Insurans Am & Takaful Am						
Keuntungan operasi	1,097	887	1,010	209.4	17.7	-7.9
Nisbah tuntutan (%)	52	58	55	-9.0	-7.2	3.5

^a Awalan

¹ Lebih pendapatan berbanding perbelanjaan tidak termasuk dana unit insurans berkaitan pelaburan bagi mencerminkan prestasi teras keuntungan ITO dengan lebih tepat. Oleh itu, data mungkin tidak dapat dibandingkan secara langsung dengan data yang dilaporkan dalam penerbitan sebelumnya.

² Merujuk mata peratusan bagi pertumbuhan tahunan nisbah tuntutan.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Jadual 9: Kewangan Kerajaan Persekutuan¹

	2022		2023 ^a		
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
	RM bilion				
Hasil	86.8	294.4	77.9	88.7	315.0
<i>Pertumbuhan tahunan (%)</i>	14.3	25.9	-6.5	2.2	7.0
Perbelanjaan mengurus	93.7	292.7	69.7	97.7	311.3
<i>Pertumbuhan tahunan (%)</i>	47.8	26.4	0.8	4.3	6.3
Akaun semasa	-7.0	1.7	8.1	-9.0	3.7
Perbelanjaan pembangunan bersih	24.7	70.2	19.6	31.1	95.1
<i>Pertumbuhan tahunan (%)</i>	86.0	10.9	25.9	25.7	35.4
Kumpulan Wang COVID-19 ²	15.9	31.0	0.0	0.0	0.0
Imbangan keseluruhan	-47.6	-99.5	-11.5	-40.1	-91.4
Memo:					
Jumlah perbelanjaan bersih	134.3	393.9	89.3	128.8	406.4
<i>Pertumbuhan tahunan (%)</i>	47.7	18.5	-1.1	-4.1	3.2
Jumlah hutang Kerajaan Persekutuan (pada akhir tempoh)	1079.6	1079.6	1156.7	1172.5	1172.5
Hutang Dalam Negeri	821.5	821.5	875.0	891.0	891.0
Hutang Luar Negeri	258.1	258.1	281.6	281.5	281.5
<i>Pemegangan hutang Kerajaan Persekutuan dalam denominasi RM oleh bukan pemastautin</i>	233.1	233.1	256.5	256.3	256.3
<i>Peminjaman luar pesisir</i>	25.0	25.0	25.2	25.1	25.1

^a Awalan

¹ Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.

² Kumpulan wang khas yang ditubuhkan di bawah Rang Undang-Undang Langkah-Langkah Sementara Bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) 2020 untuk membiayai pakej rangsangan ekonomi dan rancangan pemulihan.

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia